Pendakwa Raya v Abdul Rani bin Abdul Talib

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–05 TAHUN 2001
SU GEOK YIAM PK
14 JUN 2002

Tatacara Jenayah *— Hukuman — Pengakuan salah — Sama ada pengakuan salah tertuduh dapat meringankan hukuman — Kanun Keseksaan s 304(a)*

Tertuduh telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') atas kesalahan membunuh. Tertuduh telah meminta dibicarakan. Pihak pendakwaan, kemudiannya telah mengemukakan pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) Kanun tersebut terhadap tertuduh. Tertuduh telah mengaku salah selepas pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada tertuduh dan selepas pertuduhan, sifat serta akibat pengakuan salah diterangkan kepada dan difahami oleh tertuduh. Selepas mahkamah berpuashati bahawa tertuduh betul-betul faham sifat serta akibat pengakuan salahnya dan bahawa tertuduh telah mengakui fakta-fakta kes dan eksibit-eksibit yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah telah mendapati tertuduh bersalah sepertimana pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) Kanun tersebut. Dalam rayuan meringankan hukuman, peguam tertuduh memohon mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lapan setengah atau lapan tahun memandangkan bahawa tertuduh telah menjimatkan masa dan perbelanjaan mahkamah dengan pengakuan salah beliau.

Diputuskan, menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun ke atas tertuduh:

Adalah jelas daripada fakta-fakta kes ini bahawa tertuduh telah dengan zalimnya menyerang dan mencederakan si mati berkali-kali dengan parangnya, sebuah senjata yang tajam yang boleh membunuh (lihat ms 310F); *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 dan *Public Prosecutor v Nazaruddin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9 dibeza. Penghujahan bahawa hukuman penjara adalah dalam lingkungan lapan hingga sepuluh tahun sahaja untuk kesalahan di bawah s 304 Kanun tersebut tidak boleh diterima oleh mahkamah. Dalam kes ini, mahkamah hanya mengenakan hukuman penjara selama sepuluh tahun walaupun kesalahan adalah di bawah s 304 Kanun tersebut dan si mati telah mengalami sebanyak 13 kecederaan dan daripada itu sepuluh kecederaan adalah amat serius (lihat ms 311G–H); *Public Prosecutor v Gopalan* [1985] 2 MLJ 230 diikut.

[English summary

The accused was charged under s 302 of the Penal Code ('the PC') for murder. The accused claimed trial. The prosecution subsequently adduced an amended charge under s 304(a) of the PC against the accused. The accused pleaded guilty after the charge had been read and explained to the accused and after the charge, the nature and

consequences of his plea were explained to and understood by the accused. After the court was satisfied that the accused genuinely understood the nature and consequences of his admission of guilt and that the accused had admitted the facts of the case and exhibits adduced by the prosecution the court found the accused guilty as per the amended charge under s 304(a) of the PC. In mitigation, counsel for the accused applied for the court to impose a sentence of imprisonment of eight and a half or eight years since the accused had saved the court time and costs with his guilty plea.

Held, sentencing the accused to ten years' imprisonment:

It was apparent from the facts of the case that the accused had brutally attacked and injured the deceased several times with his machete, a sharp weapon capable of killing (see p 310F); *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 and *Public Prosecutor v Nazaruddin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9 distinguished. The submission that imprisonment was within the scope of eight to ten years only for an offence under s 304 of the PC could not be accepted by the court. In this case, the court only imposed imprisonment of ten years even though the offence was committed under s 304 of the PC and the deceased had suffered 13 injuries, ten of which were very grave (see p 311G–H); *Public Prosecutor v Gopalan* [1985] 2 MLJ 230 applied.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3312–3336.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor [1947] MLJ 130 (dirujuk)
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)
PP v Gopalan [1985] 2 MLJ 230 (diikut)
PP v Nazaruddin bin Ahmad & Ors [1993] 2 MLJ 9 (dibeza)
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45 (dibeza)
R v Boyd [1980] 2 Cr App R(s) 234 (dirujuk)
Raja Izzuddin Shah v PP [1979] 1 MLJ 270 (dirujuk)
Sau Soo Kim v PP [1975] 2 MLJ 134 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 302, 304(a)

Abd Rahim bin Mohd Noor (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa raya.

Kulvinder Singh (*Kulvinder Singh & Co*) bagi pihak tertuduh.

Su Geok Yiam H: Pada 2 Mei 2001, tertuduh telah dituduh di mahkamah ini di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') atas kesalahan membunuh seorang bernama Mohd Tayib bin Shuhaimi, K/P No 620528-

A 08-6189 pada 30 September 2000 di antara jam 10 pagi hingga 12.25 tengahari di kawasan ladang kelapa sawit, Chondong, Bota, di dalam Daerah Perak Tengah di dalam Negeri Perak.

Tertuduh telah meminta dibicarakan.

Pada 6 Mei 2002, mahkamah telah bersedia untuk mendengar kes
B terhadap tertuduh. Walau bagaimanapun, atas permohonan En Kulvinder Singh, peguambela yang bijaksana, mahkamah telah menangguhkan perbicaraan kes ini kepada 7 Mei 2002 kerana pihak pembelaan telah memohon kepada timbalan pendakwa raya yang bijaksana supaya tuduhan terhadap tertuduh dikurangkan dan En Abdul Rahim bin Mohd Noor, timbalan pendakwa raya yang bijaksana, telah mengesahkan perkara itu.

C Pada 7 Mei 2002, pihak pendakwaan telah mengemukakan pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) Kanun tersebut terhadap tertuduh. Tertuduh telah mengaku salah selepas pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada tertuduh dan selepas pertuduhan, sifat serta akibat pengakuan salah diterangkan kepada dan difahami oleh tertuduh. Fakta-fakta kes secara
D bertulis, P2, juga telah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh. Eksibit-eksibit P3 hingga P14A juga telah diterangkan dan ditunjukkan kepada tertuduh. Tertuduh telah mengaku P2 dan P3 hingga P14A sebagai benar.

Selepas mahkamah berpuashati bahawa tertuduh betul-betul faham sifat serta akibat pengakuan salahnya dan bahawa tertuduh telah mengakui fakta-fakta kes dan eksibit-eksibit yang telah dikemukakan oleh pihak
E pendakwaan, mahkamah telah mendapati tertuduh bersalah sepertimana pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) Kanun tersebut.

Dalam rayuan meringankan hukuman bagi pihak tertuduh, En Kulvinder Singh telah merujuk kepada dua kes yang telah diputuskan oleh Visu Sinnadurai H iaitu kes *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993]
F 1 MLJ 45 dan *Public Prosecutor v Nazaruddin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9 dan satu kes yang diputuskan oleh Wan Yahya H iaitu *Public Prosecutor v Gopalan* [1985] 2 MLJ 230 untuk menyokong permohonan beliau bahawa mahkamah seharusnya menjatuhkan hukuman lapan setengah tahun atau lapan tahun penjara dari tarikh tangkapan memandangkan bahawa tertuduh merupakan pesalah pertama, pengakuan
G salah oleh tertuduh telah menjimatkan masa dan perbelanjaan mahkamah dan pihak pendakwaan dan pertuduhan telah menyebabkan keseksaan mental kepada tertuduh dan seluruh keluarga tertuduh dan mereka dipandang rendah oleh penduduk di kampung itu.

Terdapat provokasi oleh si mati dengan terlebih dahulu menumbuk di
H dahi tertuduh dan selepas itu memaki tertuduh dengan mengatakan tertuduh adalah seorang yang tidak mahu sembahyang dan semua anak-anak tertuduh adalah anak haram yang telah menyebabkan kebangkitan kemarahan besar dan mengejut kepada tertuduh. Faktor-faktor mitigasi yang lain yang telah dibangkitkan oleh En Kulvinder Singh ialah tertuduh telah tua kerana berumur 63 tahun, tertuduh berkemungkinan tidak akan
I hidup sehingga tamat satu hukuman penjara yang berat, tertuduh mempunyai seorang isteri yang merupakan suri rumahtangga dan sepuluh orang anak. Tertuduh telah membantu polis dalam proses penyiasatan

kerana telah menyerah diri serta parang yang digunakan dalam kejadian itu kepada polis. Parang yang digunakan oleh tertuduh tidak dibawa oleh tertuduh untuk mencederakan si mati, tetapi dibawa oleh tertuduh untuk kegunaan tertuduh di kebunnya. Ini menunjukkan tertuduh telah sedar serta menyesal terhadap kesalahan yang telah beliau lakukan. En Kulvinder Singh telah merujuk kepada kes *Raja Izzuddin Shah v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 270.

En Abdul Rahim, Timbalan Pendakwa Raya, telah memohon supaya satu hukuman yang setimpal dijatuhkan sebagai pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat. En Abdul Rahim telah berhujah bahawa pertuduhan asal ialah di bawah s 302 Kanun tersebut di mana hukuman mandatori ialah gantung sampai mati berbanding dengan pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) Kanun tersebut di mana hukuman maksimum ialah 20 tahun penjara dan bahawa tidak terdapat fakta tentang provokasi dalam kes ini dan hanya dinyatakan dalam P2 terdapat satu pergaduhan, dan bahawa kepentingan awam adalah lebih penting daripada kesusahan yang dialami oleh tertuduh. En Abdul Rahim telah mengesahkan bahawa tertuduh tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah.

Pada akhir kes, mahkamah telah mensabitkan tertuduh atas kesalahan di bawah s 304(a) Kanun tersebut dan menjatuhkan ke atasnya hukuman penjara sepuluh tahun dari tarikh tertuduh ditangkap iaitu pada 30 September 2000.

Tertuduh telah tidak berpuashati dan telah memfailkan notis rayuan terhadap hukuman tersebut.

Semasa menjatuhkan hukuman tersebut, mahkamah telah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:

(1) kesalahan membunuh di bawah s 304(a) Kanun tersebut adalah satu kesalahan yang serius di mana hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atas tertuduh ialah 20 tahun penjara;

(2) akibat perbuatan tertuduh, satu nyawa telah kehilangan;

(3) si mati telah mengalami banyak kecederaan yang serius akibat perbuatan tertuduh dengan parang, sedangkan tertuduh sendiri tidak mengalami sebarang kecederaan. Kecederaan-kecederaan si mati yang serius yang dinyatakan dalam laporan post-mortem, P4, adalah seperti berikut:

(i) Slashed wound on right side of forehead just above right ear, almost horizontal position with the front end slightly higher than the back end. The wound extended from right side of forehead to back of right ear measuring 17 x 3cm cutting the underlying skull, exposing the brain, forming a depth of 5.5cm.

(ii) Slashed wound on right side of the ear horizontal position, cutting the pinna measuring 10cm x 1.5cm exposing the inner middle ear forming a depth of 3cm.

(iii) Slashed would on top of the head oblique position measuring 11 x 0.5cm just cutting the scalp and showed tailing of the sound at posterior end.

(iv) C-shaped slashed wound on back of left side of the head, directed inward and downward measuring 6.5 x 0.5cm forming a depth of 2cm just slicing the outer table.

(v) Incised wound on back of tip of left shoulder measuring 4 x 1.5cm, elliptical in shape, oblique position forming a depth of 0.5cm just cutting the skin.

(vi) Slashed wound on tip of left shoulder 0.5cm above and lateral to wound no 5, measuring 6.5 x 2.5cm forming a depth of 2.5cm cutting the underlying bone (left scapular).

(vii) Slashed wound on tip of left shoulder 3cm from front of wound no 6, elliptical in shape, vertical position measuring 4 x 1cm just cutting the deltoid muscle.

(viii) Slashed wound on right scapular region measuring 8.5 x 4cm directed medially and inward forming a depth of 4 cm, cut superficially the right scapular. The wound was vertical in position and almost elliptical in shape.

(ix) Slashed would on back of right upper arm region, oblique position, elliptical in shape measuring 8 x 2cm directed inwards forming a depth of 4cm cutting the muscle and surface of underlying bone.

(4) kecederaan-kecederaan yang serius yang dialami oleh si mati di kepalanya dan bahagian-bahagian yang lain iaitu di bahagian belakang dan bahagian bahu menunjukkan besar kemungkinan si mati telah diserang dari belakang oleh tertuduh semasa si mati sedang menunggang motorsikalnya sehingga si mati jatuh bersama-sama motorsikalnya ke atas tanah sepertimana yang boleh dilihat dalam gambar P8(4), P8(5), P8(6), P8(7), P8(8), P8(9), P8(10) dan P8(11);

(5) si mati adalah jauh lebih muda daripada tertuduh dan sekiranya si mati tidak diserang oleh tertuduh dari belakang, besar kemungkinan si mati dapat mempertahankan dirinya dan tidak akan mengalami kecederaan yang begitu teruk sehingga meragut nyawanya dan sudah pasti tertuduh akan juga mengalami kecederaan;

(6) memandangkan tertuduh adalah seorang pesalah pertama dan memandangkan tertuduh telah mengaku salah, ini telah menjimatkan masa mahkamah dan wang orang umum. Mahkamah telah memberikan diskaun atau kredit sebanyak $^1/_3$ daripada hukuman penjara selama 15 tahun yang mahkamah akan jatuhkan sekiranya tertuduh telah tidak mengaku salah dan telah meminta dibicarakan berdasarkan fakta-fakta dalam kes ini (lihat *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167; *R v Boyd* [1980] 2 Cr App R(s) 234; *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134); dan

(7) kepentingan orang awam adalah faktor utama dalam penghukuman dan sesuatu hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah hendaklah memberi satu pengajaran kepada tertuduh dan perlindungan kepada masyarakat demi untuk menghalang orang-orang yang lain seperti tertuduh dan juga tertuduh sendiri daripada mengulangi perbuatan tertuduh dengan salah anggapan bahawa sekiranya ditangkap dan didapati bersalah mereka hanya akan dikenakan hukuman yang ringan oleh mahkamah.

Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua kes yang dirujuk oleh En Kulvinder Singh iaitu *Ravindran* dan *Nazaruddin* boleh dibezakan kerana dalam kes *Ravindran* terdapat enam orang tertuduh dan mereka telah dituduh di bawah s 304 (bahagian pertama) Kanun tersebut dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama kerana telah membunuh seorang bernama Ramadas a/l Veliasamy. Fakta-fakta kes itu dikemukakan oleh pihak pendakwa dan diakui benar oleh tertuduh dalam kes tersebut tidak menyatakan tertuduh telah menikam dan memukul si mati. Fakta-fakta kes ini hanya, menyatakan si mati telah ditikam dan dipukul beberapa kali dan akhirnya dicampak ke dalam sebuah sungai.

Dalam kes *Nazaruddin* juga terdapat lebih daripada seorang tertuduh iaitu tiga orang tertuduh yang juga telah dituduh di bawah s 304 (bahagian pertama) Kanun tersebut yang dibaca bersama s 34 Kanun yang sama. Fakta-fakta kes menunjukkan dengan jelas bahawa tertuduh pertama telah mengacukan revolver yang dibawa olehnya untuk melakukan rompakan ke arah si mati dan telah menembak kepala si mati apabila si mati kata dia tiada wang untuk diserahkan kepada tertuduh pertama. Namun Visu Sinnadurai H telah berpendapat bahawa sekiranya tertuduh pertama telah tidak mengaku salah dan tertuduh pertama dibicarakan Yang Arif akan menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun ke atas tertuduh pertama. Akan tetapi, oleh kerana tertuduh pertama hanya berumur 18 tahun pada masa melakukan kesalahan itu dan tertuduh pertama telah mengaku salah, Yang Arif telah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun setelah memberi diskaun $^1/_4$ daripada 12 tahun.

Dalam kes di hadapan mahkamah ini, hanya terdapat seorang tertuduh sahaja iaitu tertuduh yang sudah berumur, iaitu 63 tahun, dan beliau seharusnya lebih matang dan bijak. Walaupun terdapat satu pergaduhan, ini tidak mencukupi kerana tidak ada provokasi yang dinyatakan dalam P2. Mahkamah ini tidak boleh terima penghujahan peguambela mengenai adanya provokasi kerana ia tidak dinyatakan dalam P2. Adalah jelas daripada fakta-fakta kes ini bahawa tertuduh telah dengan zalimnya menyerang dan mencederakan si mati berkali-kali dengan parangnya, sebuah senjata yang tajam yang boleh membunuh.

Dalam kes *Gopalan*, Wan Yahya H telah memakai kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [1947] MLJ 130, dan memutuskan bahawa fakta-fakta kes yang diakui benar oleh tertuduh tidak membangkitkan provokasi. Mahkamah Rayuan pada masa itu dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah* telah membuat pemerhatian bahawa garis-garis panduan untuk mengenakan hukuman hendaklah termasuk pertimbangan mengenai sifat kesalahan berkenaan, keadaan-keadaan di mana kesalahan itu dilakukan, sejauh mana pertimbangan ditunjukkan oleh tertuduh, provokasi sekiranya ada yang diterima oleh tertuduh, sejauh mana keganasan digunakan dan anteseden tertuduh.

Dalam kes *Gopalan*, Wan Yahya H telah menyatakan di ms 230 seperti berikut:

> In our present case there is no doubt at all that causing the death of another person under s 304 of the Penal Code is a very serious offence. As for the next

four matters to be considered defence counsel claims that the incident was unplanned and arose out of provocation. ... Neither was anything said about who threw the first punch or who started the fight. Likewise, I reject the accused's insinuation that he had struck the deceased in self-defence when the former was seen to be bending down in an act to draw what he believed to be a concealed weapon. If there was such a weapon it would have no doubt been found, either strapped to the deceased's legs or in the vicinity of his body. Even if the accused believed that the deceased was so armed, there was no reason why he should not have fled from the scene as he had every opportunity of doing so. Instead, acting on mere suspicion and without even a glimpse of any weapon being used, he had taken what his counsel described as a flat metal rod and savagely attacked the deceased. The violent and vicious nature of the accused's atrocity is clearly reflected in the eighteen injuries suffered by the deceased and as shown in the photograph in the records. The weapon was not recovered but whatever it was and howsoever described by the accused, it must have been a two edged sharp pointed instrument like a spear or a double edged knife. Judging from the gaping and penetrating wounds on the deceased's body, the nature of these injuries further indicate that they were inflicted in a stabbing rather than warding off blows. If the accused had resorted to the weapon merely to defend himself or to disarm the deceased, he had only to land a few blows with a flat metal rod instead of stabbing with it. The injuries on the deceased are inconsistent with those received in preventive or disarming motion by the accused. According to the doctor who performed the post mortem the victim to such injuries would only have survived up to three minutes.

...

In an offence of this nature, I consider the imposition of 14 years' imprisonment to be expedient with a view to the accused's reformation. Happily for him, the learned Deputy Public Prosecutor omitted to refer in the facts of the case matters which would have placed the offence under the first limb of this section. I am therefore compelled to convict the accused under the second limb of section 304 of the Penal Code and to impose a sentence of seven years only.

Kes *Gopalan* menunjukkan bahawa untuk kesalahan di bawah s 304 (bahagian pertama) Kanun tersebut di mana tertuduh telah mengaku salah, satu hukuman penjara selama 14 tahun telah dirasai sesuai dan perlu demi untuk menghalang tertuduh daripada mengulangi perbuatannya. Oleh itu penghujahan En Kulvinder Singh bahawa hukuman penjara adalah dalam lingkungan lapan hingga sepuluh tahun sahaja untuk kesalahan di bawah s 304 (bahagian pertama) Kanun tersebut tidak boleh diterima oleh mahkamah ini. Dalam kes di hadapan mahkamah ini, mahkamah hanya mengenakan hukuman penjara selama sepuluh tahun walaupun kesalahan adalah di bawah s 304 (bahagian pertama) Kanun tersebut dan si mati telah mengalami sebanyak 13 kecederaan dan daripada itu sepuluh kecederaan adalah amat serius sepertimana yang telah disebut tadi.

Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun.

Dilaporkan oleh Peter Ling